



HAKEMAL (dua dari kanan) menunjukkan cecair vape yang dirampas anggota PGA8 di Pos Simpangan, Tumpat. - Gambar NSTP/ SYAHERAH MUSTAFA

Cecair vape **RM1.18j**

Cubaan seludup 21,600 botol ke negara jiran gagal apabila lori syarikat kurier ditahan PGA8 di Pos Simpangan, Tumpat

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Tindakan penyeludup membawa 21,600 botol cecair vape bernilai RM1.18 juta menggunakan lori syarikat kurier gagal apabila dikesan anggota Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA8) di Pos Simpangan, Tumpat, kelmarin.

Timbalan Komander Briged Tenggara Pasukan Gerakan Am (PGA), Asisten Komisioner Hakemal Hawari berkata, dalam kejadian jam 12 tengah hari, anggotanya menahan lori terbabit yang dipandu lelaki warga tempatan berusia 34 tahun sebelum membuat peme-

riksaan.

Menurutnya, ketika pemeriksaan dijalankan, anggota didatangi seorang lelaki berusia 20 tahun yang mengaku sebagai penerima barangan di dalam lori berkenaan.

“Sebaik pemeriksaan dilakukan didapati terdapat beberapa kotak berwarna coklat yang mengandungi botol dipercayai berisi cecair vape. Semua barangan berkenaan disyaki untuk diseludup ke negara jiran.

“Anggota kemudian merampas lori dan barangan selain menahan dua lelaki berkenaan untuk tindakan

lanjut manakala cecair vape diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk siasatan mengikut Seksyen 6 Akta Racun 1952,” katanya dalam

sidang media di Markas Taktikal Pasukan Gerakan Am (PGA) Lubok Stoi di sini, semalam.

Hadir sama, Pegawai Pemerintah PGA8 Superintendan Mat Shukor Yusof dan Penolong Pegawai Pemerintah PGA8, Deputy Superintendan K Ramesh.

Sementara itu, Hakemal berkata, pihaknya turut me-

rampas 8,800 unit rokok elektronik bernilai RM220,000 di pangkalan haram Pok Leh, Kampung Tualang, Tumpat, kira-kira jam 3.30 petang kelmarin.

Menurutnya, anggotanya melakukan rondaan tersempak dua lelaki sedang memunggah kotak ke dalam perahu sebelum mereka bertindak melarikan diri.

“Pemeriksaan pada kotak berkenaan mendapati terdapat rokok elektronik disyaki untuk diseludup ke negara jiran.

Semua barangan terbabit dirampas dan diserahkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk siasatan mengikut Seksyen 135(1)(e) Akta Kastam 1967,” katanya.

“PGA8 turut rampas 8,800 rokok elektronik bernilai RM220,000 Hakemal